



**OMAR...naik gred  
pengawal keselamatan**

# **Naik taraf pengawal di IPTA**

**S**ERDANG: Perkhidmatan keselamatan dan pertahanan awam (KP) di institut pengajian tinggi awam (IPTA) perlu dinaikkan taraf setanding status pusat pengajian tinggi berkenaan dengan semua peringkat jawatannya berada pada tahap bersetujuan.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Omar Osman berkata, tiba masanya kedudukan kumpulan penjawat awam itu diberi perhatian serius terutama laluan kerjaya mereka yang begitu terhad ketika ini.

“Kalau dikaji kedudukan mereka sama dengan anggota keselamatan negara. Tanggungjawabnya menjaga aspek kemakmuran dan keharmonian kampus bukan tugas mudah ditambah status IPTA sendiri yang menuju tahap pengantarabangsaan.

“Untuk itu, kami cadangkan skim perkhidmatan mereka dinilai kepada lebih positif dan gred perjawatannya di semua tahap dinaikkan. Pengarah keselamatan misalnya dicadangkan ke tahap KP 54 atau Jusa C berbanding sebelum ini hanya KP 48, paling tinggi.

“Begitu juga dengan laluan kerjaya supaya lebih tersusun dan tiada lagi gred kumpulan KP 11 dan KP 14 yang mengenakan syarat kelayakan Penilaian Menengah Rendah (PMR),” katanya selepas Bengkel Semakan Skim KP di IPTA di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Kira-kira 26 wakil KP daripada 20 IPTA menyertai bengkel dan mesyuarat berlangsung selama dua hari bermula kelmarin khusus membincangkan pelbagai aspek seterusnya, menyediakan kertas cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan di peringkat suruhanjaya.